

BIOGRAFI MENGENAI WANITA DI MEDIA SOSIAL: TINJAUN AUTORITI DAN KEABSAHAN

Oleh
Lilly Suzana Shamsu¹

Abstrak

Kemunculan media sosial di alam siber merupakan anjakan paradigma dalam persada penyampaian pengetahuan melalui penyebaran maklumat berasaskan teknologi berkapasiti tinggi dan terkini. Keupayaan media sosial yang sentiasa berkembang dan dinamik di samping mesra pengguna telah menjadikan ia sebagai medan utama dalam dunia penyebaran maklumat hari ini. Tidak dapat dinafikan atas dominasi ini segelintir orang menjadikannya sandaran utama dan rujukan serta menganggapnya berautoriti untuk dijadikan panduan yang autentik. Justeru, fenomena ledakan maklumat ini atas pengamatan penulis berpotensi untuk memberi impak dalam budaya pengajian ilmu. Di mana budaya menelaah kitab dengan sumber autentik dan berautoriti bagi mendapatkan maklumat sah menjadi kurang popular kerana semuanya terhidang siap dalam dunia siber termasuk media sosial. Pada kelazimannya sangat jarang maklumat yang disampaikan melalui media sosial disertakan sumber perolehan maklumat berkenaan. Bahkan pengirim asal pun jarang dapat ditelusuri. Oleh yang demikian, sekalipun isu wanita sangat banyak dipaparkan dalam media sosial, dalam kertas ini studi hanya akan mengarah kepada isu berkenaan wanita yang dilihat lebih masyhur lantas banyak mengisi laman sosial serta mudah mendapat perhatian. Dalam pada sama, kajian juga hanya tertumpu dalam maklumat berkenaan wanita yang disampaikan dalam bentuk riwayat atau pun hadis semata. Pengambilan riwayat atau hadis dilakukan secara sampel untuk menjana kesimpulan yang akan mengusulkan beberapa cara mudah tetapi penuh etika dalam berinteraksi dengan riwayat atau hadis dalam media sosial. Metode kajian adalah secara penelitian dan kritikan teks. Kertas juga akan mengongsikan beberapa perisian berautoriti yang boleh dimuat turun dalam aplikasi telefon mudah alih.

Kata Kunci: Media Sosial, Wanita, Riwayat, Hadis, Autoriti.

Pendahuluan

Populariti dan kemasyhuran sebuah kenyataan tidak selamanya memberi petunjuk akan kebenarannya. Menilai dan mengetahui sumber kepada sebuah kenyataan itu adalah elemen yang tidak boleh diabaikan demi menjamin kebenaran yang berhak dikedepankan. Lantaran itu, kalau dalam berita semasa dan laporan akhbar kita selayaknya mengetahui akan sumber yang dipercayai untuk berpegang dengan keabsahannya apatah lagi dengan akhbar atau maklumat dalam beragama. Justeru, tidak sedikit para ulama mengingatkan tentang riwayat-riwayat yang tidak sah, tentang bagaimana untuk mengetahuinya, menghimpun dalam karya unggul mereka riwayat yang telah dianalisis untuk disampaikan kepada pembaca agar mereka berhati-hati untuk mengambil nas agama. Sementara, ayat-ayat al-Quran al-Karim adalah *kalamullah* yang muktamad, hadis nabawi pula sekalipun sebahagiannya adalah wahyu Ilahi namun ia tidak sebanding *kalamullah*. Oleh yang demikian terdapat ruang yang lebih besar dalam sumber kedua yang boleh digunakan oleh golongan tertentu untuk mengeksploitasi sumber murni ini dengan berbagai alasan dan tujuan.

¹ Phd, Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

Meskipun demikian, trend terkini dengan keupayaan tinggi teknologi maklumat menjadikan kedua-dua sumber suci dan asli agama terpilih ini berisiko. Segelintir golongan dengan sengaja memanipulasi ayat atau tafsiran ayat al-Quran dan menyatakan hadis yang bukan hadis atau mereka-reka sesuatu lalu menyandarkannya kepada baginda Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam*. Kesemua usaha ini sekalipun tujuannya adalah untuk agama namun sesungguhnya ia adalah jenayah kepada agama.

Kertas ini akan menghuraikan tiga paparan kenyataan berbaur Islamik yang agak masyhur dalam media sosial. Semuanya berkait wanita yang zahirnya bersumberkan daripada ayat al-Qur'an dan hadis nabawi.

Adapun biografi yang dimaksudkan dalam kertas ini ialah riwayat yang berkait dengan isu wanita dan sudah menjadi popular serta merebak khususnya di media sosial. Sementara autoriti bererti sumber dan keabsahan pula bermaksud kesahihan. Media sosial yang dirujuk merangkumi *facecook*, *twitter*, termasuk aplikasi di telefon bimbit seperti *Whatsapp*, *Line* dan sebagainya.

Paparan pertama:

"Ketika Tuhan menciptakan wanita, malaikat datang dan bertanya, "Mengapa kau begitu lama menciptakan wanita Tuhan? "

Tuhan menjawab, "Sudahkah engkau melihat setiap detail yang saya ciptakan untuk wanita?"

"Dua tangannya mampu menjaga banyak anak pada saat bersamaan, punya pelukan yang dapat menyembuhkan sakit hati dan keterpurukan, dan semua itu hanya dengan dua tangan".

Malaikat menjawab dan takjub, "Hanya dengan 2 tangan? Tidak mungkin!"

Tuhan menjawab, "Tidakkah kau tau, dia juga mampu menyembuhkan dirinya sendiri dan bisa bekerja 18 jam sehari."

Malaikat mendekat dan mengamati wanita tersebut, dan bertanya, " Tuhan, kenapa wanita terlihat begitu lelah dan rapuh? seolah-olah terlalu banyak beban baginya...."

Tuhan menjawab "Itu tidak seperti yang kau bayangkan, itu adalah air mata...."

"Untuk apa ?" tanya malaikat.

Tuhan melanjutkan, "Air mata adalah salah satu cara dia mengekspresikan kegembiraan, kegalauan, cinta, kesepian, penderitaan, dan kebanggaan.... serta wanita ini mempunyai kekuatan mempesona laki-laki...ini hanya beberapa kemampuan yang dimiliki wanita."

"Dia dapat mengatasi beban lebih dari laki-laki, dia mampu menyimpan kebahagiaan dan pendapatnya sendiri...."

"Dia mampu tersenyum saat hatinya menjerit, mampu menyanyi saat menangis, menangis saat terharu, bahkan tertawa saat ketakutan.."

"Dia berkorban demi orang yang dicintainya.."

"Dia mampu berdiri melawan ketidakadilan."

"Dia menangis saat melihat anaknya adalah pemenang...."

"Dia girang dan bersorak saat kawannya tertawa bahagia..."

"Dia begitu bahagia mendengar suara kelahiran...."

"Dia begitu bersedih mendengar berita kesakitan dan kematian, tapi dia mampu mengatasinya... Dia tau bahwa sebuah ciuman dan pelukan dapat menyembuhkan luka...."

"Cintanya tanpa syarat.."

"Hanya ada satu yang kurang dari wanita, dia sering lupa betapa berharga dirinya.."

Wanita, Anda berharga dan mulia di hadapan Tuhan. Dalam kerapuhan dan kelemahanmu, Tuhan menaruh suatu kekuatan yang tidak dimiliki oleh para laki-laki. Gunakan kekuatan yang Tuhan berikan itu untuk menolong dan memberkati para laki-laki dihidupmu. Oleh karena engkau berharga di mata-Ku dan mulia, dan Aku ini mengasihi engkau, maka Aku memberikan manusia sebagai gantimu, dan bangsa-bangsa sebagai ganti nyawamu. ~ Yesaya 43:4

Analisa

Paparan ini merupakan maklumat mengenai kehebatan wanita yang pada zahirnya dirasakan benar. Ramai yang terus menjiwai susunan kata penuh retorik ini lalu menghayatinya dan mengabaikan sumbernya. Pengesahan diberi berasaskan pengalaman emosi tanpa memikir jauh akan kebenarannya sekalipun jelas ia bukan bicara biasa. Bahkan ia dinisbahkan kepada Tuhan. Namun persoalannya adalah mengenai autoriti maklumat ini. Ia dilihat sangat popular di media sosial. Berulang kali dilihat di laman *facebook* dan disebarkan melalui media sosial *Whatsapp*. Melayari internet dalam carian enjin *google* pasti menemukan maklumat ini di serata tempat. Dalam setengah tempat ia menggunakan kata “Tuhan” dan di tempat lainnya ia menggunakan kata “Allah” menggantikan tempat kata “Tuhan”. Maklumat ini semakin popular dan menyebarkan dalam media sosial pada bulan Mei. Ada dua elemen yang perlu diberi perhatian dalam menisbahkan maklumat ini kepada Tuhan:

1. Al-Quran al-Karim; ia adalah *kalamullah* yang diturunkan kepada baginda Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam* dan telah lengkap termaktub dalam *mushaf* yang mengandungi 30 juzu’, namun tiada menyebut mengenai maklumat di atas.
2. Hadis Qudsi; ia menggunakan lafaz kata Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam* dengan menisbahkannya kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Namun tiada pula maklumat ini dalam himpunan riwayat hadis qudsi.

Justeru, jelas ia bukan melalui autoriti yang membolehkan menggunakan kata “Tuhan”. Setelah melalui beberapa carian melalui dunia *Net* sejajar dengan kemasyhurannya yang meluas dalam dunia ini ditemukan kewahaman mengenai sumbernya. Ini berikutan penemuan teks di atas dalam sebuah laman sesawang milik Kristian Indonesia iaitu: <http://www.jawaban.com/read/article/id/2011/04/21/58/110421115713/Ketika-Tangan-Tuhan-Menciptakan-Seorang-Wanita>.

Jawaban.com adalah laman web milik Kristian Indonesia yang memuatkan berita-berita agama Kristian peringkat nasional dan antarabangsa. Setelah melaksanakan beberapa studi mengenai teks yang dihantar melalui *Whatsapp* dan membandingkannya serta meluaskan carian dalam Bahasa Inggeris dalam internet mendapati:

- 1) Penggunaan kata “Tuhan” digunakan dalam teks pada jawaban.com dan beberapa laman sesawang yang lain, sebaliknya pada laman sesawang lainnya termasuk yang jelas dimiliki oleh pengguna muslim pula menggunakan kata “Allah”.
- 2) Maklumat mengenai biografi wanita ini juga sangat meluas dalam laman sesawang Bahasa Inggeris dengan menggunakan kata “Lord”. Penulis berpendapat berkemungkinan terjemahan kata “Tuhan” berasal daripadanya.

Sehingga kertas ini ditulis tiada ditemukan sumber mengenai biografi ini sekali pun dalam laman web Inggeris yang banyak memaparkan mesej ini, melainkan dalam laman jawaban.com tertulis di akhir petikan biografi “*Yesaya 43:4*”. *Yesaya* pula adalah

merupakan nama seorang nabi yang terbesar menurut Al-Kitab terjemahan baru dalam laman sesawang yang menyediakan sumber bahan pelajaran Kristian dan elektronik berbahasa Indonesia:

http://learning.sabda.org/baca.php?b=nabipl_jalan&isi=pe11

- 3) Biografi menyentuh hati mengenai wanita ini sering dihantar melalui media sosial pada sambutan Hari Ibu yang kini sudah membudaya di banyak tempat dan disambut pada Hari Ahad kedua bulan Mei. Perayaan ini berasal daripada perayaan purba seperti masyarakat Greek yang meraikan dewa Rhea, ibu kepada dewa-dewa mereka.²
- 4) Mesej biografi kelebihan wanita ini pada setengah paparan nampaknya mengalami sedikit adaptasi apabila kata “Tuhan” ditukar kepada kata “Allah” yang dilihat lebih Islamik dan meyakinkan masyarakat Islam. Tiada diketahui siapa yang bertanggungjawab dalam mengubah kata berkenaan.

Justeru, tidak sedikit masyarakat Islam yang terus mempercayai mesej ini dan tanpa berfikir panjang memanjangkannya pula kepada orang lain. Rangkaian ini bersambung dan merata ke banyak tempat dan berulang pada saban tahun khususnya ketika perayaan Hari Ibu tiba. Penerima mesej ini biasanya merasakan ia adalah mesej penghargaan bagi dirinya sebagai wanita dan sebagai ibu. Apatah lagi bila mesej ini mengandungi kata daripada pemilik alam. Lantas bagi pendapatnya adalah suatu kebaikan menebarkan mesej ini kepada wanita di merata tempat untuk mendapat kebajikannya tanpa cuba menelusuri asalnya terlebih dahulu. Begitulah kekuatan tekanan pengaruh media sosial dalam perhubungan hari ini.

Paparan Kedua

“KEUTAMAAN WANITA:

1. *doa seorang isteri yg taat memiliki kekuatan 70 wali.*
2. *isteri yg membuatkan minum suami tanpa diminta, pahalanya 3 x khatam Qur'an.*
3. *Masakan isteri yg dilakukan secara sunah dan dimakan suami beserta keluarga pahalanya semua untuk isteri dan do'a suami yg memakan masakannya menjadi do'a yg diijabah.*
4. *isteri yg membangunkan suami untuk sholat atau mengingatkan sholat berjamaah di masjid pahalanya 27+1*
5. *Isteri yg kelelahan bangun malam karena anaknya minta susu sama dengan pahala 70 x haji mabrur*
6. *Seorang ibu yg menyusui setiap tetes susunya senilai 200 x sholat khusu dan doanya di ijabah' (fadilah wanita)*
7. *burung di udara dan malaikat dilangit akan selalu memintakan ampunan kepada Allah selama Isteri dalam keridhoan suami.*
8. *bila seorang suami pulang dengan gelisah dan isteri menghiburnya maka isteri mendapatkan 10 pahala jihad.*
9. *bila seorang wanita hamil sholatnya dua rekaat adalah lebih baik dari 80 rakaat sholat wanita yg tidak hamil.*
10. *bila seorang wanita hamil akan mendapatkan pahala 70 tahun sholat dan 70 tahun puasa.*

² <https://www.britannica.com/topic/Mothers-Day>, diakses pada 13/8/2016.

11. wanita yg mencuci pakaian suami dan anak-anaknya akan mendapat 1000 kebaikan dan akan diampuni kesalahannya, bahkan segala sesuatu yang disinari matahari memintakan ampun baginya dan Allah SWT mengangkat derajatnya 1000 tingkat.
12. Wanita yg menyusui anaknya, maka setiap tetesan air susu tersebut akan mendapatkan 1 pahala dan apabila cukup 2 tahun menyusui maka malaikat dilangit akan mengabarkan berita bahwa SURGA wajib bagi nya".
13. Apabila sorang wanita kedatangan haid maka haidnya akan menghapus dosa2nya.
14. apabila ia membaca pd hr pertama keluar haid "Alhamdulillah ala kullu halin wa astagfirullah min kulli zanbi" Maka Allah Swt akan membebaskannya dr jahanam, shirat & adzab.
15. Setiap hari dari haidnya, Allah tinggikan dia dgn pahala 40 orang mati syahid apabila ia berdzikir.
- SUBHANALLAAH...btp sayang nya Allah Swt terhadap kaum wanita. ”*

Analisa

Mesej biografi mengenai keutamaan wanita ini diterima melalui pesanan dalam aplikasi *Whatsapp* di telefon bimbit. Sementara itu mesej di atas juga terdapat di laman-laman sesawang dan sangat mudah menemukannya dan membacanya dengan pencarian enjin *google*.

Walau bagaimanapun, semua keutamaan hebat yang disebutkan di atas tiada dinyatakan sumber atau status teks yang dikirimkan. Meskipun tidak dinyatakan ia adalah daripada riwayat hadis namun ganjaran pahala hanya disabitkan melalui sumber berautoriti antara yang tertinggi ialah hadis baginda Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam*. Lebih-lebih lagi apabila menyangkut perkara ghaib seperti keutamaan no. 12 yang menyebutkan “wanita yang menyusui anaknya maka...malaikat di langit akan mengabarkan berita bahawa Syurga wajib baginya”. Perkara-perkara *ghaibiyat* hanya disabitkan melalui hadis baginda Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam* yang juga adalah hadis yang sabit atau sahih.

Para ulama khususnya ilmuwan ilmu hadis seperti Ibn al-Jawzi, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Ibn ‘Arraq, Mula ‘Ali al-Qari, al-Syaukani dan lainnya telah lama memperingatkan tentang wujudnya riwayat-riwayat sebegini. Pada kebiasaannya riwayat-riwayat ini dibawa oleh para *qussas* (pencerita) bagi tujuan merangsang minat orang ramai kepada melakukan suatu amalan yang berkebaikan. Namun ia tidak berlandaskan sunnah yang sabit. Ibn ‘Arraq menyebutkan bahawa lafaz dan makna yang lemah adalah tanda bahawa sebuah hadis itu *mawdu‘* atau hadis yang direka-reka. Dia menyatakan lagi antara tanda yang dimaksudkan itu ialah kenyataan azab seksa yang melampau atau ganjaran balasan baik yang berlebihan kepada amalan kecil dan tidak sesuai. Hal seperti ini tidak wajar disandarkan kepada Baginda Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam*. Ibn ‘Arraq menukil sebuah riwayat daripada Ibn al-Jawzi dalam *al-Mawdu‘at* sebagai contoh dalam hal ini:³

«من صلى كذا فله سَبْعُونَ دَارًا فِي كُلِّ دَارٍ سَبْعُونَ أَلْفَ بَيْتٍ فِي كُلِّ بَيْتٍ
سَبْعُونَ أَلْفَ سَرِيرٍ عَلَى كُلِّ سَرِيرٍ سَبْعُونَ أَلْفَ جَارِيَةٍ».

³ Lihat: Ibn ‘Arraq, ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali (1399), *Tanzih al-Syari‘ah*, sunt. ‘Abd al-Wahab ‘Abd al-Latif, ‘Abdullah Muhammad al-Siddiq al-Ghamhari, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jilid 1, hlm 7.

Mafhumnya: "Siapa yang menunaikan solat ini dan itu maka baginya tujuh puluh ribu tempat tinggal, setiap tempat tinggal itu ada tujuh puluh ribu katil, di atas setiap katil itu ada tujuh puluh ribu hamba perempuan".

Kertas ini tidak akan mengupas setiap keutamaan di atas secara terperinci. Tetapi menyebutkan di sini beberapa kelebihan kaum wanita menurut riwayat yang autentik untuk dijadikan sandaran, antaranya:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ حَمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَفِظَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ زَوْجَهَا قِيلَ لَهَا: ادْخُلِي الْجَنَّةَ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئْتَ».

Mafhumnya: "Jika seorang wanita menunaikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga kemaluannya dan mentaati suaminya; nescaya akan dikatakan padanya: "Masuklah ke dalam surga dari mana-mana pintu yang engkau mahu".⁴

Dalam pada itu, wanita juga diibaratkan sebagai hiasan paling indah dan cantik di muka bumi ini:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «الدُّنْيَا مَتَاعٌ، وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ»

Mafhumnya: "Dunia itu perhiasan dan sebaik-baik perhiasan dunia itu ialah wanita yang solehah".

Kedua-dua hadis ini adalah sabit lagi berautoriti. Jika dirincikan perhatian terhadapnya didapati nas riwayat yang sahih tidak menyebutkan perincian ganjaran, ia lebih umum dan ringkas namun padat dan menyeluruh.

Paparan Ketiga

"Rasulullah SAW bersabda: "Setiap wanita hamil yang makan buah tembikai maka anaknya akan cantik wajahnya dan baik akhlaknya."

Analisa

Riwayat mengenai kelebihan untuk wanita hamil memakan buah tembikai ini menjadi viral pada satu ketika, namun mutakhir ini nampaknya banyak penjelasan disampaikan mengenai kepalsuannya di dalam *Net*. Walau bagaimanapun, sedikit yang disebarkan melalui media sosial khususnya menerusi aplikasi *Whatsapp* yang mendominasi penggunaannya di negara ini. Lantaran itu sangat perlu disebarkan akan ketidakabsahan riwayat ini dengan merujuk kepada studi awal yang dilakukan oleh ilmuwan hadis seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Ibn al-Jawzi, Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan lainnya yang menyatakan bahawa kelebihan buah

⁴ Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abdullah bin Muhammad (1421H/2001M), *Musnad Ahmad*, Sunti. Shu'aib al-Arna'ut, Muassasah al-Risalah, jilid 3, hlm. 199, no. hadis 1661.

tembakai adalah tidak satu pun yang sahih⁵ dan tidak terkecuali hadis yang disebutkan di atas.

Apa yang sabit berkenaan buah tembakai dalam hadis adalah baginda Nabi *sallallahu ‘alaihi wasallam* memakannya bersama buah kurma basah seperti mana yang diriwayatkan oleh Sayyidah ‘Aisyah radiallahu ‘anha.⁶ Kenyataan ini untuk menyatakan keharusan memakannya dan tiada kaitan dengan sebarang kelebihan.

Kaedah berinteraksi dengan mesej agama dalam media sosial

Seperti mana agama itu suci justeru amalan dan ajaran untuk mendapatkan redha pemilikNya juga perlu beretika. Sumber ambilan tidaklah semborono sesuai ketinggian kedudukan agama Islam itu sendiri. Lantas dalam keghairahan mengejar maklumat untuk mendapatkan pengetahuan yang diinginkan dalam agama adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mengambil kira kriteria berikut:

- 1) **Cermat dan Hemat:** Perlu ditekankan untuk berhati-hati dan teliti dalam memetik dan menyampaikan setiap petikan yang menyentuh hal agama. Dalam masa yang sama pembaca juga tidak ketinggalan adalah bertanggungjawab untuk memastikan kesahihannya atau untuk sekurang-kurangnya tidak menyebarkan maklumat berkenaan jika merasa timbulnya kecurigaan. Riwayat yang disandarkan kepada baginda Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* adalah hadis. Hadis sekali pun secara literal bermaksud hanya kata-kata, namun kata-kata baginda Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bukanlah seperti kata-kata insan lain. Pendustaan terhadap kata-kata baginda juga pastinya tidak seperti pembohongan lain. Lantaran itu, apabila berdepan dengan riwayat-riwayat yang tiada mempunyai *sanad* dan sangat asing *matannya* tanpa dijumpai dalam karya para ulama silam perlu ingat akan bahana buruk kecuaiian dan nukilan tanpa disiplin demi menyelamatkan diri daripada terhurban ke dalam neraka sebagai balasan pendustaan.⁷

Berkaitan galakkan untuk berhemat dan cermat dalam menentukan kebenaran kata-kata ini baginda Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* memberikan ingatan agak keras, walaupun apa yang disampaikan itu adalah suatu yang benar. Namun kerana penceritaan kembali sering tidak serupa asal justeru penceritaan kembali mengenai suatu senario yang dirasakan tiada bermanfaat dan belum pasti kesahihannya perlu diabaikan sahaja, baginda bersabda:

« كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ »

*Mafhumnya: Cukuplah seseorang itu dianggap berdusta apabila dia menceritakan sesuatu yang dia dengar”.*⁸

- 2) **Memastikan Sumber:** Kebanyakan mesej berbaur agama yang disampaikan dalam media sosial kurang diberi perhatian dalam aspek autoriti. Keghairahan individu

⁵ Ibn al-Jawzi, ‘Abd al-Rahman bin ‘Ali bin Muhammad (1386H/1966M), *al-Mawdu‘at*, sunt. ‘Abd al-Rahman Muhammad ‘Uthman, Madinah: al-Maktabat al-Salafiyyah, jilid 2, hlm. 286; Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr (1390H/1970), *al-Manar al-Munif*, Halab: Maktabat al-Matbu‘at al-Islamiyyah, hlm. 130.

⁶ Abu Daud, Sulaiman bin al-‘Ash‘ath (t.th.), *al-Sunan*, Sunt. Muhammad Muhyiddin ‘Abdul Hamid, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyah, jilid 3, hlm. 363, no. Hadis 3836.

⁷ Maksud hadis riwayat Bukhari dalam *al-Sahih, Kitab al-Jana‘iz, Bab Ma Yakrah min al-Niyahah ‘ala al-Mayyit*, jilid 2, hlm. 80.

⁸ Muslim bin al-Hajjaj (t.th.), *al-Sahih*, sunt. Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, *Bab al-Nahy ‘an al-Hadis bikulli ma Sami’a*, jilid 1, hlm. 10.

untuk menjadi peneraju dalam menyampaikan mesej yang kononnya adalah pengetahuan menjadikan keutamaan untuk merujuk secara ilmiah diketepikan bahkan diabaikan. Sedangkan para ulama zaman tabi'in dan tabi' tabi'in sanggup meredah perjalanan beratus batu demi mendapatkan pengesahan keabsahan sebuah riwayat. Ketidakpastian mengenai kesahihan sebuah berita yang dikatakan telah disampaikan daripada baginda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* mendorong para sahabat bertanyakannya kepada sahabat lain, bukan kerana kurang mempercayai sahabat pertama tetapi adalah untuk memastikan sumber mesej yang disampaikan diketahui sumber dan seterusnya keabsahannya. Begitu teliti para sahabat *radiallahu 'anhum* dan generasi awal berinteraksi dengan maklumat berkenaan agama. Inilah usaha mereka untuk tetap menjaga risalah Islam daripada dicemari elemen-elemen luar yang merosakkan kemurniannya.

- 3) **Keberhasilan adalah Kebetulan Semata:** Kejayaan atau berhasilnya amalan melalui ajaran dalam riwayat atau hadis yang tidak sahih bukanlah simbol legitimasi kesahihan sesebuah riwayat. Ia merupakan suatu kebetulan semata yang tidak boleh dijadikan hujah dan sandaran. Hal ini seperti yang terjadi dalam sebuah hadis *mawdu'* yang masyhur mengenai kebaikan meniatkan akan menamakan anak dengan nama Muhammad jika ditakdirkan isteri mengandung:

«مَا مِنْ مُسْلِمٍ دَنَا مِنْ زَوْجَتِهِ وَهُوَ يَنْوِي إِنْ حَمَلَتْ مِنْهُ يُسَمِّيهِ مُحَمَّدًا إِلَّا رَزَقَهُ اللَّهُ تَعَالَى ذِكْرًا، وَمَا كَانَ اسْمُ مُحَمَّدٍ فِي بَيْتٍ إِلَّا جَعَلَ اللَّهُ تَعَالَى فِي ذَلِكَ الْبَيْتِ بَرَكَةً.»

Ibn al-Jawzi meriwayatkan hadis ini dalam *al-Mawdu'at*⁹ lalu menyatakan ia tidak sahih. Begitu juga al-Zahabi beliau membuat komentar bahawa hadis ini adalah *mawdu'*.¹⁰ Walau bagaimanapun, al-Qawqajiy ketika merekodkan hadis ini dalam kalangan hadis-hadis yang tertolak beliau membuat komentar bahawa beliau sendiri beramal dengan apa yang dianjurkan oleh hadis ini dan benar-benar telah berhasil mendapatkan seperti apa yang dinyatakan.¹¹

Justeru, 'Umar bin Hasan al-Fallatah mengulas bahawa keberhasilan setelah mencuba suatu amalan bukanlah hujah yang mensabitkannya. Para ulama hadis yang berkepakaran tinggi dan telah mengkaji hadis ini dari sudut *sanad* dan *matannya* tidak memerlukan keabsahan melalui sebarang percubaan. Ini kerana percubaan adalah dalil yang lemah. Siapa sahaja boleh mengalaminya dan ia sangat relatif bentuknya. Kebenaran, kebaikan, kehebatan isi atau *matan* hadis tidak menjamin kesahihan hadis bahkan tiada kaitan atau pengaruh kepada kedudukan hadis. Kebaikan-kebaikan amalan yang disebutkan dalam hadis palsu tidak dinafikan mempunyai kebenarannya dan telah diperakui dari perspektif perubatan dan kesihatan umpamanya, namun tema perbincangan dalam penerimaan sebuah hadis bukanlah pada kebaikan tersebut. Penerimaan dan legitimasi sebuah hadis adalah berhubung ketulenan kata-kata atau *matan* hadis tersebut untuk disandarkan kepada baginda *sallallahu 'alaihi wasallam*.¹²

⁹ Ibn al-Jawzi, *op. cit*, jild 1, hlm, 157-158.

¹⁰ Lihat: Ibn 'Arraq, *op. cit*, jild 1, hlm. 174.

¹¹ Al-Qawqajiy, Muhammad bin Khalil bin Ibrahim (1415H), *al-Lu' Lu' al-Marsu'*, sunt. Muhammad Fawwaz Zamarli, Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, hlm. 164.

¹² 'Umar bin Hasan 'Uthman al-Fallatah (1401H/1981M), *al-Wad' fi al-Hadis*, Beirut: Muassasah Manahil al-'Irfan, Damsyiq: Maktabah al-Ghazali, jild 2, hlm. 338.darim

Sebagai contoh riwayat mengenai kelebihan buah tembikai di atas bagi wanita mengandung ia mungkin telah dibuktikan memberikan kelebihan namun mengatakan ia adalah bersumberkan baginda Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* adalah tetap menjadi kesalahan.

Kesimpulan

Sesungguhnya hanya berbekal niat murni untuk menyampaikan petikan-petikan nas agama adalah tidak memadai. Dalam sejarah tercatat salah satu sebab yang menyumbang kepada berputiknya hadis palsu adalah murninya hasrat Abu 'Isma' Nuh bin Maryam pemalsu hadis kepada *fada'il al-Quran* yang ingin mengembalikan minat orang ramai kepada al-Quran setelah melihat ramai menjauhkan diri darinya. Lantaran tindakannya mereka-reka nas agama ini para ulama hadis sepakat menggelar beliau sebagai pemalsu hadis. Setiap satu riwayat beliau sehingga hari ini adalah tertolak.

Kemunculan dan kewujudan teknologi maklumat berkapasiti tinggi pada dekad ini sesungguhnya adalah fenomena yang kita perlu depan dengan bijak. Kemudahan yang disediakan dalam menjana perhubungan pantas sepatutnya dieksploitasi ke arah kebaikan bagi kegunaan ummah sejagat.

Menerusi sampel beberapa riwayat atau biografi berkenaan wanita yang dibawakan dalam kertas ini dengan mengambil kira kepada popularitinya yang menebar di media sosial umat Islam hari ini perlu kepada pendidikan.

Pendidikan pertama ialah pengetahuan dalam kaedah untuk berinteraksi dengan mesej mengandungi ajaran dan amalan beragama dalam dunia media sosial.

Pendidikan kedua pula ialah pengetahuan atau sekurang-kurangnya mempunyai sedikit kemahiran menggunakan beberapa aplikasi pangkalan data seperti pangkalan data hadis berautoriti yang tersedia di laman-laman web. Sebagai contoh laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb.

Al-Durar al-Saniyyah adalah sebuah laman web ilmiah yang dibina bukan untuk mengaut keuntungan. Antara tujuan utama pembinaannya ialah untuk menyediakan pangkalan data elektronik yang komprehensif bagi warisan baginda Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* secara menyeluruh berasaskan *manhaj ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Justeru ia tidak terhad hanya bagi kemudahan proses pencarian hadis malahan merangkumi beberapa ensiklopedia ilmu lain seperti dalam bab akidah, fiqh, sejarah dan sebagainya. Ia boleh diakses melalui url <http://www.dorar.net/>.¹³

Sementara itu Islamweb merupakan laman web dakwah yang berdiri di atas *manhaj ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Telah menjadi peraturan Islamweb untuk mengemukakan kandungan yang seimbang tanpa cenderung kepada mana-mana aliran, sederhana dan tidak melampau. Ia juga tidak khusus untuk pengisian berbentuk hadis semata, bahkan merangkumi beberapa skop pengajian ilmu lain iaitu akidah, al-Quran, fiqh, sirah, isu-isu wanita dan isu-isu mengenai keunikan Islam seperti kisah saudara baru dalam Islam,

¹³ <http://www.dorar.net/est-site>, diakses pada 15/8/2016, dan sila lihat: Shahril Nizam Zulkipli dan Ishak Suliaman (2013), *Autoriti Hadis di Internet*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 83.

keunikan penghasilan produk yang berkonsepkan Islam, dan lain-lain.¹⁴ Islamweb boleh diakses melalui <https://www.islamweb.net/>. Di samping itu ia boleh dilayari dalam beberapa bahasa iaitu Inggeris, Arab, Sepanyol dan bahasa Jerman.

Kedua-dua laman web ini adalah contoh eksploitasi media ke arah kebaikan dalam mencapai matlamatnya menyampaikan *tasawwur* Islam secara mudah, cepat dan berautoriti.

Seterusnya, pendidikan ketiga ialah untuk merujuk kepada yang berkepakaran dalam bidang berkenaan mesej yang diterima dan membudayakan sifat suka menyelidik akan keabsahan suatu berita sungguhpun berbaur agama.

Pendidikan yang dinyatakan ini jika dipraktikkan dan dibudayakan akan menjana masyarakat yang bukan sahaja terhindar dari pelbagai fitnah dan syubhah yang sangat mudah berlaku di alam siber, malah akan melahirkan masyarakat berilmu dan kukuh jati diri.

Bibliografi

Abu Daud, Sulaiman bin al-‘Ash‘ath (t.th.), *al-Sunan*, Sunt. Muhammad Muhyiddin ‘Abdul Hamid, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyah .

Ahmad bin Hanbal, Abu ‘Abdullah bin Muhammad (1421H/2001M), *Musnad Ahmad*, Sunt. Shu‘aib al-Arna‘ut, Muassasah al-Risalah.

Ibn ‘Arraq, ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali (1399), *Tanzih al-Syari‘ah*, sunt. ‘Abd al-Wahab ‘Abd al-Latif, ‘Abdullah Muhammad al-Siddiq al-Ghammari, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Jawzi, ‘Abd al-Rahman bin ‘Ali bin Muhammad (1386H/1966M), *al-Mawdu‘at*, sunt. ‘Abd al-Rahman Muhammad ‘Uthman, Madinah: al-Maktabat al-Salafiyah .

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr (1390H/1970), *al-Manar al-Munif*, Halab: Maktabat al-Matbu‘at al-Islamiyyah.

Muslim bin al-Hajjaj (t.th.), *al-Sahih*, sunt. Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi .

Al-Qawqajiy, Muhammad bin Khalil bin Ibrahim (1415H), *al-Lu‘Lu‘ al-Marsu‘*, sunt. Muhammad Fawwaz Zamarli, Beirut: Dar al-Basya‘ir al-Islamiyyah

‘Umar bin Hasan ‘Uthman al-Fallatah (1401H/1981M), *al-Wad‘ fi al-Hadis*, Beirut: Muassasah Manahil al-‘Irfan, Damsyiq: Maktabah al-Ghazali

<https://www.britannica.com/topic/Mothers-Day>, diakses pada 13/8/2016.

<http://www.dorar.net/est-site>, diakses pada 15/8/2016.

<https://www.islamweb.net/en/index.php?page=aboutus>, diakses pada 15/8/2016.

¹⁴ <https://www.islamweb.net/en/index.php?page=aboutus>, diakses pada 15/8/2016; dan sila lihat: *Ibid*, hlm. 120.